



MOD.100-2/1/2 Jld 23 () 05/06

**PENGORBANAN 1000 VETERAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA TERBELA DENGAN
PENGIKTIRAFAN MENERUSI PENGANUGERAHAN PINGAT JASA MALAYSIA**

1. **MELAKA, 16 Jun 2025** – Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Adly Zahari telah menyempurnakan **Majlis Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia (PJM)** kepada **1000 veteran ATM**, melibatkan anggota veteran termasuk balu dan waris Veteran ATM **Negeri Melaka dan Negeri Sembilan** di Melaka International Trade Centre (MITC) Ayer Keroh Melaka, hari ini.
2. Penganugerahan ini adalah merupakan **kurniaan atas keberwiraan dan pengorbanan anggota tentera dalam melaksanakan kewajipan kepada negara** sesuai dengan tarafnya sebagai **"campaign medal"** yang berlandaskan perjuangan veteran dalam menggalas tanggungjawab memelihara keselamatan dan kedaulatan negara dengan penuh taat setia. Selain itu, penganugerahan ini juga adalah sebagai tanda penghargaan masyarakat di atas jasa pahlawan negara sehingga negara dapat menikmati keamanan hari ini.
3. Majlis penganugerahan PJM telah dikoordinasikan oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM sejak 3 Mac 2004. Sehingga hari ini, seramai 48,346 warga veteran ATM yang memenuhi syarat telah menerima PJM. PJM juga adalah antara pingat terkanan dalam susunannya berbanding dengan anugerah-anugerah yang sama kelas seperti Pingat Perkhidmatan Negara Bangsa-bangsa Bersatu (PNBB) dan Pingat Perkhidmatan Setia (PPS).
4. Kementerian Pertahanan sentiasa prihatin dengan nasib dan hal ehwal yang berkaitan dengan Veteran ATM dengan memastikan kesejahteraan mereka terpelihara melalui **Transformasi Kesejahteraan Veteran ATM** dalam **Pelan Strategik Mindef 2021 – 2025**. Usaha memperkasa veteran ATM akan diperkemaskan lagi melalui inisiatif-inisiatif yang telah digariskan di dalam **Amanat Perutusan Tahun Baharu 2025 Menteri Pertahanan: Fokus 4 – Memperkukuh Ekosistem Kesejahteraan** warga pertahanan.
5. Hadir sama adalah Ketua Pengarah JHEV ATM, Mejar Jeneral Dato' Haji Semaon bin Haji Marjuki, Panglima 3 Divisyen, Mejar Jeneral Dato' Mohamad Suria bin Mohamad Saad serta wakil-wakil Persatuan Veteran ATM Negeri Melaka.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia

Dikeluarkan pada 16 Jun 2025